

# Keputusan kes bunuh pensyarah UiTM 20 Jun

**S**HAH ALAM: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menetapkan 20 Jun depan untuk memberikan keputusan pada akhir kes pendakwaan, sama ada keempat-empat tertuduh dalam kes bunuh pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Bakaruddin Busu, 35, perlu membela diri atau dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan itu.

Hakim Datuk Muhammad Ideres Muhammad Rapee membuat keputusan itu selepas dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya, Salehuddin Saidin bahawa pihak pembelaan memerlukan masa menjawab hujahan bertulis pihak pendakwaan.

Muhammad Ideres dalam penghakimannya juga menetapkan 11 Mei depan untuk mendengar hujahan ba-

las pihak pembelaan pada akhir kes pendakwaan.

Terdahulu, pada awal prosiding itu, Salehuddin berkata semalam ditetapkan untuk keputusan, namun beliau difahamkan pihak pembelaan ingin memohon penangguhan atas alasan baru menerima hujahan bertulis dan memerlukan masa membalasnya dengan terperinci.

Dalam perbicaraan kes itu, eksekutif jualan, Sulkarnain Alias, 31; pekerja sambilan, Noorman Abdul Wahab, 28; penganggur, Azizul Azual Mohamad Jailani dan pelajar, Muhammad Zakwan Ahmad Zaki, kedua-duanya berusia 23 tahun, dituduh membunuh pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi itu di Jalan SS19/6 Subang Jaya, jam 9.30 malam, 12 Februari 2002.